

**"Karya mithali sastra islam"? satu penilaian kritis terhadap novel TIVI karya
Shahnon Ahmad.**

ABSTRACT

Kajian ini ingin menarik perhatian tentang konsep sastra Islam, dalam konteks kesusasteraan Melayu masa kini. Ini secara khusus merujuk kepada soal pertembungan antara tradisi persuratan Melayu-Islam dengan konsep sastra barat-modern. Pertembungan ini dilihat memberikan implikasi terhadap pemahaman tentang kesusasteraan Islam dalam kesusasteraan Melayu. Bagi merungkaikan permasalahan, kajian ini memilih untuk menjadikan novel TIVI yang diajukan oleh novelisnya, Shahnon Ahmad sebagai "karya mithali sastra Islam", sebagai bahan kajian. Untuk menganalisis novel tersebut, makalah ini menerapkan kerangka persuratan baru janaan Mohd. Affandi Hassan sebagai kerangka analisis. Sesuai dengan pengertian taklif yang menjadi paksinya, kerangka persuratan baru menawarkan alat penilaian sastra yang berlainan daripada yang lumrah diguna pakai dalam kesusasteraan Melayu masa kini. Berdasarkan idea pokok persuratan baru yang menangani aspek isi aspek bentuk karya secara bersepadu, makalah ini menganalisis novel TIVI, dan seterusnya menilai semula secara kritis label yang dilekatkan ke atasnya. Analisis mendapati bahawa mesej "keislaman" (aspek isi) yang didakwa terkandung dalam novel ini ditenggelami dengan cara penyampaian cerita (aspek bentuk) yang bersifat erotik. Analisis juga mendapati bahawa cara penulisan yang sedemikian turut menjadikan TIVI sebagai novel "picisan" dan sekaligus menghakis label "Islam" yang diperagakan ke atasnya.

Keyword: Tradition of Malay islamic letters; Concept of modern-western literature; Islamic exemplary work.